

Kajian Semiotik dalam Novel-Novel Mochtar Lubis

KIM JANG-GYEM

ABSTRAK

Mochtar Lubis memainkan peranan penting dalam kesusasteraan Indonesia. Menganalisis karya-karyanya adalah sesuatu yang amat penting dan signifikan dalam bidang kesusasteraan. Dengan menggunakan pendekatan semiotik, pengkaji menganalisis enam karya Mochtar Lubis. Untuk tujuan ini, pengkaji juga memasukkan karya-karya bukan fiksiyen beliau. Dalam karya-karya tersebut, jelas terbukti bahawa beliau cenderung untuk memberi perhatian terhadap isu yang sama: nasib golongan orang biasa dalam dinamik sosial dan budaya. Kita tidak boleh memahami karya-karya Mochtar Lubis dengan hanya menggunakan instrumen tekstual dalaman, maka perlu juga menggunakan teks luaran. Karya-karya bukan fiksiyen daripada Mochtar Lubis juga memberi sumbangan dalam meningkatkan kefahaman kita terhadap karya-karya beliau.

Kata kunci: Semiotik, intertekstualiti, dinamik sosial, budaya

ABSTRACT

Mochtar Lubis plays an important role in the Indonesian literary world. He is also one of the most respected Indonesian journalists in Indonesia. This paper involves a semiotic analyses of six of his fiction works. It is evident that in his works, Mochtar Lubis is concerned with issues that commonly affecting people in social and cultural dynamic. Such a phenomenon is important for studying intertextuality among his works. It is clear that in each novel, Mochtar Lubis tends to refer to his previous works. Quotation and references to other works are often utilized for textual signification. To understand Mochtar Lubis works, both internal and external textual devices have to be scrutinized.

Key words: Semiotics, intertextuality, social dynamics, culture

INTRODUCTION

Sebagai sasterawan yang terkenal, Mochtar Lubis memainkan peranan penting dalam dunia sastera di Indonesia. Kemampuannya bukan hanya menyerlah dalam bidang sastra, malah dalam bidang kewartawanan. Hampir semua karya sastera beliau memperoleh penghargaan. Pencapaian tinggi beliau dalam bidang



sastera inilah yang telah mendorong penulis memilih novel-novel beliau dalam analisis semiotik ini.

Penulis memilih enam novel karya Mochtar sebagai data dalam analisis semiotiknya iaitu: *Tidak Ada Esok (TAE)*, *Jalan Tak Ada Ujung (JTAU)*, *Senja di Jakarta (SdJ)*, *Harimau! Harimau! (HH)*, *Tanah Gersang (TG)*, *Maut dan Cinta (MdC)*, *Potret Manusia Indonesia Sebuah Pertanggungjawaban (1988) (PMISP)* dan *Mochtar Lubis Bicara Jujur Menjawab Pertanyaan Wartawan (MLBJMPW) (Ramadhan 1995)*.

Dilihat menerusi kaedah semiotik, keenam-enam novel itu memperlihatkan wujudnya persamaan idea. Menerusi analisis terhadap watak-wataknya, dapat diperhatikan yang diungkapkan pada umumnya adalah masyarakat yang sedang mengalami perubahan besar dalam aspek sosial budaya. Persamaan idea ini memperlihatkan hubungan intertekstualiti antara keenam-enam teks itu. Selain persamaan idea antara karya, ada beberapa karyanya telah digunakan untuk memberi makna pada karyanya yang lain. Hal ini terlihat dalam novel *TAE*, *JTAU*, *SdJ*, dan *HH*. Di halaman pengenalan keempat-empat novel itu, terdapat petikan yang diambil daripada karyanya yang lain. Petikan itu digunakan untuk memperlihatkan signifikansi tekstualnya. Dalam *TAE* tertulis petikan yang diambil daripada *Bharata Yudha*; dalam *JTAU* tertulis satu kalimat daripada *Jules Romains*; dalam *SdJ* tertulis sebahagian puisi Jose Capdrvilla dan dalam *HH* tertulis tiga bait puisi penyair yang sama.

Hubungan intertekstualiti antara karya-karya di atas dengan karya-karya sastera yang dipetik itu menarik untuk dianalisis. Penyertaan petikan itu bukan tanpa tujuan dan maksudnya. Namun, sebagaimana yang telah dikemukakan dalam kajian semiotik, analisis tidak boleh dilakukan ke atas karya-karya itu kerana pelbagai keterbatasan, khususnya keterbatasan kemampuan untuk melakukan analisis itu. Justeru, hubungan intertekstualiti dalam kajian ini dibataskan pada hubungan antara keenam-enam novel karya Mochtar.

LANDASAN TEORI SEMIOTIK

Untuk memperolehi makna teks, struktur naratifnya perlu dihalusi terlebih dahulu. Namun, pemaknaan teks naratif juga tidak dapat mengabaikan teks lain kerana teks naratif tidak lahir daripada kekosongan. Setiap teks itu berkesinambungan daripada teks lain yang telah lahir sebelumnya. Sehubungan itu, Culler mengatakan bahawa setiap teks adalah mozaik petikan dan penyerapan teks lain (1981:139). Teks sebelumnya itu disebut *pre-existent word group* atau teks hipogram (Riffaterre 1978: 23). Teks hipogram ini merangkumi klise, kutipan daripada teks lain atau sistem deskriptif, yang mungkin ditolak atau diterima (Riffaterre 1978: 63-64) Dalam karya sastera Mochtar yang sudah disebut itu terdapat hal yang sedang diperkatakan ini. Pemahaman terhadap hubungan intertekstualiti itu akan menjelaskan makna teksnya secara keseluruhan. Dengan kata lain, selain makna teks Mochtar, pengkaji juga ingin



mengkaji hubungan intertekstualiti antara keenam-enam teks novel dengan esei-eseinya.

Hubungan intertekstualiti atau hubungan antarateks itu fenomena umum dalam teks-teks sastra atau teks lain, kerana tidak ada teks muncul daripada kekosongan. Setiap teks sastra, misalnya, adalah juga mozaik kutipan-penyerapan atau pentransformasian teks-teks sebelumnya (Kristeva dalam Culler 1981:107). Meskipun demikian, hubungan intertekstualiti bukanlah soal pengaruh teks yang ada sebelumnya ke atas teks yang baru. Hal ini menjelaskan pendapat Culler (1981:103) bahawa teks yang telah ada sebelumnya adalah sebagai sumbangan yang dapat menghasilkan beberapa variasi yang bermakna. Pernyataan ini juga senada dengan apa yang dinyatakan Riffaterre (Zaimar 1981):

Suatu fenomena yang mengarahkan pembacaan teks, yang mungkin menentukan interpretasi, dan yang kebalikan dari pembacaan perbaris. Ini adalah cara untuk memandang teks yang menentukan makna wacana, sedangkan pembacaan perbaris hanya menentukan makna unsurnya. Berkat cara memandang teks semacam ini, pembaca sadar bahwa dalam suatu karya sastra, kata-kata tidaklah mengacu pada benda-benda atau konsep atau secara umum tidak mengacu pada dunia yang bukan kata-kata (noverbal) (sic). Di sini kata-kata mengacu pada suatu jalinan pemunculan yang secara keseluruhan sudah menyatu dengan dunia bahasa. Jalinan itu dapat berupa teks-teks yang telah dikenal ataupun bagian-bagian dari teks yang muncul setelah terlepas dari konteksnya dan yang dapat dikenali dalam konteksnya yang baru, sehingga orang tahu bahwa teks tersebut telah ada sebelum ia muncul dalam konteks yang baru ini. (Riffaterre dalam Zaimar 1981:26)

Daripada kerangka pemikiran itu, jelaslah bahawa bagi Riffaterre pemaknaan suatu teks tidak hanya ditentukan unsur yang ada dalam teks itu sendiri (unsur-dalam), tetapi juga unsur yang berada di luarnya (unsur-luar), termasuk esei-esei. Meskipun demikian, Riffaterre (1978:23) mengatakan unsur-dalam yang menjadi tanda puitis tidak hanya mengacu kepada teks lain yang menjadi hipogramnya, malah ia menjadi bahagian integral matriks teksnya sendiri.

Selanjutnya, teori Bloom dapat digunakan untuk menegaskan kemungkinan wujudnya hubungan pembalikan dan penentangan dalam hubungan intertekstualiti di atas. Bloom (dalam Culler 1981:107-109) menganggap teks sastra selalu terikat, selain cenderung meniru apa yang sudah disediakan oleh tradisi. Sehubungan itu, Bloom selalu berjuang untuk melakukan perlawanan terhadapnya. Tradisi yang dilawan penyair itu bukanlah sistem wacana yang anonim, tetapi teks sastra konkrit hasil karya pendahulunya yang dominan. Culler (1981:109) menyebut teori Bloom ini sebagai "kritik antitesis". Dalam kajian ini, teori tersebut disebut dengan istilah dialektis, sesuai dengan gagasan mengenai perjuangan yang terkandung di dalamnya. Dengan itu, teori Bloom bukan sahaja boleh dikembangkan menyangkut persoalan hubungan antitesis antarateks, tetapi juga kemungkinan hubungan sintesisnya. Perlu ditambah bahawa hubungan intertekstualiti di atas secara tidak langsung juga menunjukkan



wujudnya hubungan dengan esei-esei Mochtar, antaranya *PMISP* dan *MLBJMPW*. Daripada itu dijangkakan terdapat suatu konsep pemikiran yang ingin dikemukakan di sini. Pada tahap mimetik, hal itu jelas daripada sejumlah masalah yang sama dalam keenam-enam novel itu. Ia menarik untuk dikaji untuk mengetahui dengan jelas wujud tidaknya hubungan antara keenam-enam novel itu dengan dua esei tadi. Jawapan kepada persoalan ini dapat menunjukkan bahawa meskipun makna karya sastera tidak ditentukan secara mutlak oleh maksud penulis, tetapi ia tidak terlepas sama sekali di luar keberadaan penulis (Teeuw 1984: 181). Berdasarkan kerangka pemikiran itu, ketaralah hubungan intertekstualiti antara keenam-enam teks novel itu dengan *PMISP* dan *MLBJMPW*.

Di sini, esei dilihat sebagai fakta semiotik. Yang dianggap representatif untuk dijadikan bahan kajian ialah *PMISP* dan *MLBJMPW*. Buku pertama itu adalah kebudayaan Mochtar di Taman Ismail Marzuki pada tahun 1977. Teks ini mengandungi pandangannya tentang manusia Indonesia moden yang merupakan akumulasi pengamatannya selama 30 tahun (Ramadhan 1995:163). Menurut Ramadhan (1995:163) pandangan itu masih terbukti sah walaupun tiga puluh tahun sudah berlalu. Sementara itu, buku kedua adalah kumpulan pendapat Mochtar ketika dia diwawancarai media massa antara tahun 1975 sampai dengan tahun 1995. Intipati buku kedua ini lebih kurang sama dengan buku pertama dari segi kritiknya terhadap manusia Indonesia moden. Namun, buku kedua itu adalah penjabaran lebih lanjut daripada buku pertama. Selain itu, masih ada karya Mochtar yang lain yang memuatkan pandangannya mengenai manusia Indonesia. Akan tetapi, dalam kajian ini, kedua- buku tersebut dianggap representatif dan mampu mewakili dirinya.

HUBUNGAN INTERTEKSTUALITI ANTARA NOVEL-NOVEL DENGAN ESEI MOCHTAR LUBIS

Setakat ini dapat diperhatikan keenam-enam novel itu mempunyai pelbagai bentuk persamaan. Hal itu bukanlah kebetulan, tetapi keterlibatan Mochtar secara konsisten dalam persoalan yang dihadapi bangsanya. Berdasarkan pembacaan novelnya, terutamanya mengenai watak, dapat dikatakan faham humanisme (universal) menduduki tempat yang dominan. Hal itu bukan sahaja terserlah dalam pemikiran dan ucapan watak-wataknya, tetapi juga paparan yang dilakukan pencerita. Pandangan humanisme terlihat dalam diri watak Johan dalam *TAE*, Guru Isa dalam *JTAU*, Pranoto dalam *SdJ*, Dr. Mullenhoff dalam *TG*, Pak Haji dalam *HH* dan Sadeli dalam *MdC*. Selain itu, pandangan yang dimaksudkan itu terdapat dalam kesemua novel yang disebut itu. Sementara itu, watak-watak yang tidak termasuk dalam kategori tersebut tidak bermakna mereka bebas sama sekali daripada pemikiran humanitis kerana pemikiran humanitis itu boleh ditampilkan melalui cara lain, termasuk dalam bentuk suara hati nurani. Dengan cara sedemikian, terdapat pertentangan batin dalam diri watak yang bersangkutan. Hal itu terlihat dalam diri Suryono, Sugeng dan Dahlia



dalam *SdJ*; Joni, Yusuf dan Sukandar dalam *TG*, Talib, Sutan, Sanip, Buyung dan Pak Balam dalam *HH*; dan Umar Yunus dalam *MdC*.

Watak-watak yang berpandangan humanities tampil sebagai yang sedia menghadapi pelbagai persoalan kemanusiaan, sementara watak-watak lainnya adalah sebaliknya. Ini menunjukkan pemikiran humanitis adalah gejala sejagat. Kehadirannya dalam novel Mochtar itu bukanlah fahaman yang ditempelkan untuk kepentingan cerita, tetapi fahaman yang melatari kemunculan karya tersebut. Dengan kata lain, kemunculan novel Mochtar dalam khazanah sastra Indonesia moden adalah untuk mengajak pembaca melakukan refleksi dan renungan atas apa yang telah dilakukan. Pernyataan ini tidak berlebihan bila dikaitkan dengan keyakinan Mochtar bahwa sastra dapat memainkan peranan dalam perubahan masyarakat, sebagaimana dinyatakan seperti yang berikut ini:

Saya sendiri yakin bawah sastra itu dapat berperan dalam proses perubahan masyarakat. Dia dapat berperan sebagai salah satu dari sekian ratus ribu atau miliar denyutan yang mendorong perubahan masyarakat. Sebuah buku dibaca seorang anak SMP, di SMA dia membaca buku lebih banyak, di universitas dia terus membaca buku, setelah aktif di masyarakat dia terus aktif membaca, dan kemudian ratusan atau ribuan orang lain sampai pada suatu kesadaran baru tentang eksistensi mereka sebagai manusia dan sebagai anggota masyarakat. Dan denyutan-denyutan lain dalam proses perubahan yang amat kompleks akhirnya bersama-sama membawa cukup banyak orang ke tingkat yang dalam istilah ilmu dan teknologi nuklir dikatakan "critical mass", dan terjadilah peledakan dengan reaksi berantainya (Mochtar Lubis 1992:347)

Dengan pendirian sedemikian, novel itu dengan sendirinya dapat dipandang sebagai pencerminan sikapnya mengenai peranan sastra dalam masyarakat. Sehubungan itu, kewujudan penulis sebagai pemboleh ubah dalam penelitian sastra perlu disertakan. Ini disebabkan makna teks sastra tidak mungkin terlepas peranan penulisnya meskipun adalah yang tidak mutlak (Teeuw 1984:181). Di sini patut dipertanyakan hubungan intertekstualiti antara keenam-enam novel itu dengan esei-esei Mochtar. Bagi dia antara pengarang tidak dapat dipisahkan daripada karyanya, lagipun memang diakuinya bahawa karyanya bukanlah seratus peratus khayalan (Ramadhan 1995:38). Selanjutnya esei-eseinya juga berusaha untuk mengungkapkan masalah kehidupan manusia.

Saya selalu berusaha menampilkan makna dari kehidupan. Dalam *Jalan Tak Ada Ujung*, *Senja di Jakarta*, *Tidak Ada Esok*, *Harimau! Harimau!*, *Maut dan Cinta*, dan dalam berbagai cerpen-cerpen saya, selalu saya coba menampilkan makna dari kehidupan dan nilai-nilai kemanusiaan. (Ramadhan 1995:5)

Sebelum mengkaji hubungan intertekstualiti yang dimaksudkan, perlu ditinjau terlebih dahulu citra manusia Indonesia dalam esei-esei itu. Hampir secara keseluruhan teks ini memperlihatkan citra manusia yang suram dalam masa kini. Hal ini menimbulkan banyak kritikan terhadap esainya yang juga menonjolkan enam kelemahan utama orang Indonesia masa kini, iaitu (1) hipokrit atau munafik, (2) segan dan enggan bertanggungjawab atas perbuatan,



keputusan, pikiran, (3) berjiwa feodal, (4) masih percaya pada tahayul, (5) artistik dan (6) berwatak lemah. Sementara itu, kelemahan yang lain juga banyak. Antaranya tidak berhemat, tidak suka bekerja keras, selalu bermimpi menjadi orang bangsawan, kurang sabar, cepat cemburu dan dengki kepada orang lain, mudah merasa senang dan bangga, manusia sok (perasan) dan peniru. Daripada senarai itu, hanya ciri artistik adalah yang positif.

Sebagai rakyat Indonesia, Mochtar merasa bertanggungjawab untuk mengingatkan bangsanya agar mengubah sifat-sifat yang buruk. Hal itu jelas dalam kesimpulan esainya dengan tegas mengingatkan rakyat Indonesia untuk merubah perilaku dan sikap yang dianggapnya tidak atau kurang tepat untuk masa kini. Tujuannya adalah agar bangsa Indonesia berjaya seperti bangsa-bangsa lain.

Perhatian besar Mochtar kepada persoalan kemanusiaan dilandasi rasa cintanya kepada manusia dan nilai kemanusiaan seperti yang dipetik di bawah ini:

Semua tulisan berangkat dari keadaan manusia dan ditujukan untuk manusia. Meskipun semua tulisan saya penuh dengan protes sosial, protes politik dan kritik kebudayaan, tetapi kesemuanya itu saya tujukan untuk manusia. Sebab yang bisa berbuat salah itu manusia. Tugas kita sebagai sastrawan adalah mengembalikan fitrah kemanusiaan, agar tidak terperangkap ke dalam kerangkang nafsu kebinatangan....Sebagai sastrawan, saya merasa berkewajiban untuk menuliskan kejahatan-kejahatan manusia itu agar cepat disadari dan dimengerti oleh masyarakat. Tujuan saya semata-mata untuk mengangkat harkat manusia dengan citra yang berbudaya. (Ramadhan 1995:74).

Kesemua sifat negatif yang dikritik tajam oleh Mochtar terdapat dalam keenam-enam teksnya. Dalam *TAE*, kritikan itu disalurkan melalui dua watak, Johan dan Hassan. Johan merasa muak terhadap perilaku sebahagian wanita yang mencari kesenangan hidup dengan menjadi pelacur (*TAE*: 65); sebahagian masyarakatnya yang tidak dapat berfikir secara jernih kerana mengganggu orang asing sebagai musuh (*TAE*: 42-43); para pemimpin politik yang hanya mampu berteriak, tetapi tidak pernah merasa penderitaan rakyat (*TAE*: 160). Sebagai watak utama dalam *TAE*, Johan tidak tampil sebagai manusia suci. Dia berhubungan dengan pelacur, Syarifah. Digambarkan Johan berusaha sekuat tenaga untuk melepaskan cengkaman yang mengotori dirinya, agar tidak jatuh ke tingkat "kebinatangan" (*TAE*: 44; Ramadhan 1995:74). Cara yang digunakannya adalah dengan berjuang untuk negara dan bangsanya (*TAE*: 90). Oleh itu, dalam menghadapi kematiannya, Johan digambarkan girang dan tersenyum (*TAE*: 225). Difahami di sini bahawa orang yang mengorbankan hidupnya bagi bangsa dan negaranya itu mempunyai nilai yang lebih. Dengan itu, dia merasa hidupnya menjadi penuh makna, berbeza dengan manusia yang hanya memikirkan kepentingan diri atau kelompoknya sebagaimana yang terlihat dalam *SdJ*, *TG*, atau *HH*.

Hubungan intertekstualiti antara *PMISP* dan *MLBJMPW* dengan novel *TAE*, dapat pula dilihat dari aspek keberpihakan Hassan terhadap rakyat kecil. Menurut



pandangan Hassan, korban peperangan lazimnya adalah rakyat kecil. Oleh itu, Hassan dengan cepat mengambil keputusan untuk menyertai Peta dan berjuang mengangkat senjata. Tetapi, yang perlu dicatat di sini adalah bahawa pandangan cauvinis Hassan itu bertentangan dengan pandangan humanitis Johan. Namun, akhirnya diketahui bahawa Johan pada akhirnya mengikut jejak Hassan sambil tetap mengembangkan pandangan humanitisnya.

Hal yang relatif serupa terlihat jelas dalam diri Guru Isa dan Hazil (*JTAU*). Guru Isa adalah jujur dan penuh perhatian terhadap nilai kemanusiaan, tetapi penakut. Pada akhirnya, dia mendapat “kemenangan”. Sementara Hazil yang munafik dan hipokrit mengalami “kehancuran”. Dalam novel ini, pandangan watak Guru Isa jelas terlihat dalam *PMISP* dan *MLBJMPW*. Guru Isa mengutuk dirinya ketika terpaksa perlu mencuri buku sekolah untuk memenuhi keperluan rumah tangganya (*JTAU*: 52). Sehubungan itu, pelbagai kritikan telah diajukan kepada watak Guru Isa. Sifat penakut Guru Isa yang berlebihan menyebabkan watak ini menderita impotensi psikik. Dalam konteks ini, nampak jelas bahawa kritikan tersebut mempunyai kesejajaran dengan pernyataan dalam *PMISP*, iaitu:

Saya mengusulkan agar kita melepaskan rasa ketakutan dan was-was kita untuk menyampaikan yang kita yakini adalah kebenaran kepada siapa pun juga. (Mochtar Lubis 1988:77).

Sebagaimana yang dapat dilihat dalam analisis struktur, konflik batin yang menyebabkan Guru Isa menderita adalah rasa takut untuk mengeluarkan isi hatinya. Guru Isa memendamkan berbagai-bagai persoalan di dalam hatinya. Ia memainkan peranan yang tidak disukainya kerana terpaksa. Bersamaan dengan persoalan ketakutan serta sikap munafik dan hipokrit Hazil yang berlagak sebagai seorang pemberani tetapi sebenarnya penakut, novel ini turut menggambarkan watak manusia Indonesia yang lemah. Sifat penakut muncul kerana watak yang bersangkutan tidak kuat, iaitu Guru Isa. Sebaliknya, sifat hipokrit dan munafik Hazil juga mencerminkan watak yang lemah itu. Untuk menutup kelemahan wataknnya itulah Hazil berbicara, bertindak dan berperilaku seperti seorang pemberani.

Dalam novel ini humanisme agak dominan. Guru Isa dilukiskan sebagai penakut. Tetapi, kepenakutannya itu dilukis sebagai akibat daripada tekanan dari luar yang berlebihan sehingga membuat jiwa Guru Isa goncang dan tidak dapat mengembangkan kehidupan batinnya dengan sebaik-baiknya. Guru Isa menerima jawatan yang tidak dikehendakinya, tetapi menolaknya di dalam hatinya (*JTAU*: 55). Penerimaannya pada jawatan itu adalah kerana ia perlu berusaha untuk menjaga keharmonian hubungannya dengan orang lain. Sikap ini mencerminkan kehalusan perasaannya sebagai manusia yang ingin hidup aman damai dengan orang lain.

Pembelaan atau keberpihakan Mochtar terhadap faham humanisme itu terserlah daripada “kemenangan” Guru Isa mengatasi rasa takutnya (*JTAU*: 115), sementara Hazil terperuk dalam ketakutannya (*JTAU*: 113). Kemenangan Guru Isa di satu pihak dan kekalahan Hazil di satu pihak yang lain itu tidak berlaku



secara hitam putih. Sebagaimana penyelesaian dalam *TAE*, penyelesaian cerita dalam novel ini kelihatan relatif terapung. Kematian Hazil dapat dipandang sebagai simbol kekalahan nasionalisme, tetapi juga tidak membebaskan Guru Isa daripada seluruh rasa takutnya secara total. Di sini, terjadi kompromi antara nasionalisme dan humanisme seperti terdapat dalam *TAE*. Humanisme dalam novel ini lebih banyak mewarnai cerita daripada nasionalisme yang meluak-luak seperti yang digambarkan di akhir cerita. Tafsiran ini disebabkan hampir setiap fikiran yang terlintas dalam benak dan watak Johan muncul fikiran yang bernuansa humanitis.

Hubungan intertekstualiti antara keenam-enam novel itu dengan *PMISP* dan *MLBJMPW* dapat dilihat dengan lebih baik dalam *SdJ*. Sebahagian besar ciri manusia Indonesia masa kini yang tergambar dalam esainya melekat pada sebahagian besar wataknya. Suryono, melambangkan watak yang tidak bertanggungjawab, watak yang ingin menjadi kaya dengan makan rasuah, watak yang berbangga pada diri sendiri walaupun lemah, tidak berhemat, dan banyak lagi sifat negatif lainnya. Sikap tidak bertanggungjawab pada Suryono itu kelihatan dengan menyalahkan ayahnya dan Husin Limbara ketika dia menghadapi kesulitan (*SdJ*: 302). Suryono juga menyalahkan Partai Indonesia yang menyebabkan keterlibatannya dalam kemelut politik. Selain itu, wataknya yang lemah juga terlihat menerusi pernyataan Isye dan Fatma. Isye menolak cinta Suryono kerana bagi Isye Suryono tidak mempunyai keperibadian yang jelas (*SdJ*: 259). Akibatnya, Fatma menyesal kerana mengagumi Suryono apabila ternyata Suryono tidak mempunyai pendirian yang tegas seperti yang diharapkannya (*SdJ*: 331).

Novel itu menggambarkan kebejatan yang menyangkuti kehidupan peribadi, sosial kemasyarakatan, politik dan kebudayaan dalam erti yang luas. Kebejatan itu meliputi kehidupan masyarakat kelas bawah, menengah dan atas. Dengan kata lain, kebejatan dalam novel ini menyerang seluruh lapisan masyarakat sesuai dengan pernyataan dalam *PMISP* dan *MLBJMPW*. Watak-watak yang bermoral rendah pada akhirnya berdepan dengan kekecewaan. Sugeng yang takut makan rasuah tetapi pada akhirnya menyenangi perbuatannya itu ditangkap (*SdJ*: 315-316). Sementara Hasnah, kerana lemah wataknya, menyalahkan diri dan menganggap kerana dirinyalah maka Sugeng makan rasuah (*SdJ*: 299). Dahlia yang melacurkan diri untuk mencari kepuasan material perlu masuk ke rumah sakit kerana melakukan pengguguran (*SdJ*: 313).

Kebejatan masyarakat yang tergambar dalam *SdJ* itu selaras dengan pernyataan dalam *MLBJMPW* yang dipetik di bawah ini:

Aduh, penyakitnya macam-macam! Pada pemerintah kita penyakitnya yang parah adalah “birokrasi”, Birokrasi yang membengkak dan tidak berhati nurani, kurang peka dan kurang berorientasi pada kepentingan rakyat kecil yang tidak berdaya. Birokrasi yang mengidam penyakit korupsi, inefisiensi dan penyakit gawat “ABS-itis, tidak kreatif

Dalam kalangan rakyat juga, sikap-sikap feodal yang masih berlaku cukup parah. Rakyat apabila memandang pejabat dan penguasa seakan-akan pejabat dan penguasa itu adalah



pangeran kerajaan yang berkuasa penuh, dan mereka harus tunduk dan patuh kepada para penguasa....

Jawapan atas pertanyaan Saudara ini sama dengan kemunafikan. Dengan kata lain, yang berbuat pemberantas korupsi sendiri melakukan korupsi. Hakim yang harus membina keadilan malahan menjadi tukang peras dan koruptor. Jaksa menembak mati terdakwa dan pembela terdakwa main hakim sendiri. Orang yang tidak berdosa dijatuhi hukuman. (Ramadhan, 1995:19-21)

Keruntuhan moral juga didedahkan dalam *TG*. Yang menjadi inti permasalahan adalah tidak adanya rasa kasih sayang orang tua kepada anaknya. Oleh itu anak seperti Joni, Lisa, Yusuf dan Sukandar membesar sebagai manusia liar yang tidak hiraukan nilai agama dan moral. Watak tersebut bertindak tanpa memikirkan akibat. Mereka lebih mengutamakan keangkuhannya daripada kepentingan orang lain. Dalam pelbagai tindakan negatif yang dilakukan, terlihat bahawa pada dasarnya mereka juga lemah dan tidak bertanggungjawab. Joni lebih banyak menyalahkan ayahnya dan masyarakatnya berbanding menyalahkan dirinya. Bagi dia, tindakannya belum sebanding dengan perilaku orang kaya dan pemimpin yang korup (*TG*: 110 & 171). Di sini juga terlihat sifat munafik dan hipokrit, selain sifat kelemahan watak dan cemburu kepada orang lain.

Munafik dan hipokrit adalah sifat yang paling banyak muncul dalam novel Mochtar itu. Di samping Hazil (*JTAU*), Suryono (*SdJ*) dan Joni (*TG*), sifat ini juga melekat pada diri Wak Katok dalam *HH*. Wak Katok, seorang penakut. Untuk menutup sifatnya itu, Wak Katok berusaha untuk menampilkan diri sebagai pemberani. Tetapi, seluruh kepalsuan Wak Katok terbongkar pada akhirnya. Adalah menarik untuk diamati sifat penakut yang kemudian menjadikan Wak Katok munafik dan hipokrit bertentangan dengan sifat jujur dan terbuka pada watak yang lain, Buyung, dalam novel ini. Di sini dapat dilihat pertentangan antara orang tua dan muda. Mochtar seakan-akan ingin menggambarkan orang tua yang selama ini dianggap sebagai pahlawan atau pemimpin, padahal dia adalah pahlawan dan pemimpin palsu sebagaimana yang dikatakan Sanip kepada Wak Katok (*HH*: 192). Sebaliknya anak muda yang dianggap tidak mempunyai kemampuan oleh golongan orang tua itu mempunyai keberanian dan kelebihan bila diberi peluang. Peluang itu tidak pernah diberi kerana selalu didominasi orang tua. Namun, mungkin kerana tidak terlalu memomokkan kaum tua, novel ini juga menceritakan kelemahan pada generasi muda seperti Talib, Sutan, Sanip dan Buyung. Mereka dilakarkan pernah mencuri dan berzina, antara yang lain. Untuk menjunjung nilai kemanusiaan yang tinggi, mereka yang pernah berdosa pada masa silam mengalami konflik batin yang hebat.

“Kalian masih muda, ambillah pelajaran dari apa yang terjadi ... aku pun kini sadar ... kita tidak hidup sendiri di dunia ... manusia sendiri-sendiri tak dapat hidup sempurna, dan tak mungkin hidup sebagai manusia, tak mungkin lengkap manusianya. Manusia yang mau hidup sendiri tak mungkin mengembangkan kemanusiaannya. Manusia perlu manusia lain (*HH*: 198).



Pandangan Pak Haji itu juga terdapat dalam *TAE*, sesuai dengan *PMISP* dan *MLBLMPW*. Esei-esei itu menekankan pentingnya manusia menjaga nilai kemanusiaan, termasuk kebebasan selagi ia tidak merosakkan kepentingan masyarakat banyak.

Prinsipnya manusia itu harus bebas. Tidak boleh ditindas maupun diperbudak. Sebab manusia itu bukan binatang, yang bisa dipelihara dan diberi makan lalu diperas tenaganya. Manusia harus diberi hak hidup untuk menentukan nasibnya sendiri. Manusia harus diberi hak asasi dan hak untuk memilih secara bebas. Tidak boleh dipaksa-paksa dan diatur-atur oleh satu kekuasaan tertentu, selama tingkah laku manusia tidak merusak dan merugikan kepentingan umum (Ramadhan: 1995:75).

Selain masalah di atas, *HH* juga menonjolkan masalah yang berkaitan tahayul. Dalam esei itu dikatakan kepercayaan yang masih kuat pada tahayul adalah satu ciri manusia Indonesia masa kini (Lubis 1988). Dalam *HH*, kepercayaan pada tahayul terserlah menerusi amalan azimat, perdukunan, menafsir garis tapak tangan, percaya pada mimpi, atau mempercayai harimau sungguhan sebagai harimau siluman. Kepercayaan tahayul ini membuatkan watak dalam novel itu sulit bertindak secara sihat sehingga tindakan yang dilakukan itu menjadi tidak terkendali sebagaimana perlakuan Sutan ke atas Pak Balam (*HH*: 142-143). Berlawanan dengan watak-watak dalam *HH*, Sadeli dalam *MdC* adalah watak rasional. Seluruh fikiran, tindakan, dan perilakunya didasarkan atas pertimbangan yang matang. Hal itu tidak saja terlihat ketika Sadeli menjalankan tugasnya sebagai perisik di Singapura, tetapi ketika masih relatif muda, menanjak dewasa.

MdC adalah novel yang istimewa. Dalam *MdC* tidak ada manusia ideal seperti dalam novel yang lain.. Sadeli adalah watak yang bersifat jujur, egaliter, terbuka, optimis, tidak percaya pada tahayul, pemaaf, memperhitungkan segala dengan masak sebelum bertindak, lebih-lebih lagi ia berani menghadapi maut. Berbekalkan sifat positif, dia tampil sebagai watak alternatif berbanding dengan watak lain dalam novel lain. Dengan itu, novel ini harus dibaca sebagai perlawanan sebahagian masyarakat Indonesia yang dihindangi kesemua sifat kelemahan yang disebut sebelum ini. Sebaliknya berlandaskan sifat-sifat di atas, kita dapat mencapai kejayaan besar dalam hidup, tanpa mengambil rasuah, berbohong, tidak perlu meminta bantuan dukun, tidak harus berbuat licik, tetapi perlu pandai mengatur hidup. Dengan kata lain, novel ini telah memberi jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan dalam novel sebelumnya.

KESIMPULAN

Daripada huraian singkat ini ternyata ada hubungan intertekstualiti antara keenam-enam novel itu dengan *PMISP* dan *MLBJMPW*. Persoalan yang dikemukakan dalam dua esei itu diliputi juga dalam keenam-enam novel itu, sama ada melalui perwatakan atau cerita. Di sini, sebagai wahana novel dapat

mengungkapkan gagasannya dalam ruang yang cukup luas. Gagasan itu lebih mudah dicerna dan dijangkau pembaca (Ramadhan 1995:40).

Pemaknaan teks sastra tidak semata-mata mempertimbangkan unsur yang terdapat dalam teks itu sendiri, tetapi juga yang berada di luar teksnya. Ini terbukti dalam kesemua karya yang dikaji itu. Selain itu, terdapat hubungan intertekstualiti antara keenam-enam novel dengan *PMISP* dan *MLBJMPW*. Dalam *PMISP*, terdapat sejumlah ciri negatif manusia Indonesia masa kini. Ciri-ciri itu juga terdapat dalam keenam-enam novel itu. Daripada keempat-empat bentuk hubungan intertekstualiti itu, bentuk hubungan yang terakhir itu dapat dilihat sebagai yang dominan.

RUJUKAN

- Culler, J. 1981. *The Pursuit of Signs. Semiotics, Literature Deconstruction*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Lubis, M. 1992. Peran Sastra dalam Perubahan Masyarakat. DLM *Atmakusumah* (ed.) Mochtar Lubis Wartawan Jihad. Jakarta: Penerbit Harian Kompas.
- _____. 1981. *Senja di Jakarta*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- _____. 1982. *Tanah Gersang*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- _____. 1988. *Potret Manusia Indonesia: Sebuah Pertanggungjawaban*. Jakarta: Yayasan Idayu.
- _____. 1989. *Tidak Ada Esok*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- _____. 1989. *Maut dan Cinta*. Jakarta: Pustaka Jaya
- _____. 1990. *Jalan Tak Ada Ujung*. Jakarta: Pustaka Jaya
- _____. 1990. *Jalan Tak Ada Ujung*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- _____. 1992. *Harimau! Harimau!* Jakarta: Yoyosan Obor.
- Ramadhan K.H. (ed.). 1995. *Mochtar Lubis Bicara Jujur Menjawab Pertanyaan Wartawan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Riffaterre, M. 1978. *Semiotics of Poetry*. Bloomington: Indiana University Press.
- Teeuw, A. 1984. *Sastra dan Ilmu Sastra. Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: Pusaka Jaya.
- Zaimar, Okke K.S. 1981. *Menelusuri Makna Ziarah Karya Iwan Simatupang*. Jakarta: Intermedia

Kim Jang-Gyem, Ph D
Felo Penyelidik,
Center for International Area Studies
Hankuk University of Foreign Studies
Seoul

Emel: peneliti@hufs.ac.kr